

Malaysia desak dunia henti pembantaian rakyat Palestin

BERITA HARIAN 12 APR 2024 mlk.3

PM suarkan pendirian tegas dalam perbincangan dengan Presiden Turkiye

Oleh Mohd Yusri Muzammir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia mendesak komuniti antarabangsa segera memberhentikan pembantaian dan penghapusan rakyat Palestin di Gaza, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Reaksi Perdana Menteri itu dilakukan ketika tiga anak lelaki pemimpin kanan Hamas, Ismail Haniyyeh serta beberapa ahli ke-

luarganya maut dibedil tentera Israel di Gaza semalam.

Perdana Menteri berkata perkara itu dinyatakan oleh beliau kepada Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan, dalam perbincangan menerusi telefon tentang pelbagai isu serantau dan antarabangsa, termasuk situasi semasa di Palestin, malam kelmarin.

“Saya nyatakan bahawa komuniti antarabangsa perlu segera mendesak pembantaian dan penghapusan rakyat Gaza dihentikan.

“Malaysia akan terus komited menyuarakan pendirian tegas negara mengenai nasib rakyat Palestin di pentas dunia,” katanya dalam hantaran di akaun Facebook rasminya semalam.

Kutuk serangan

Sementara itu, Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Mohd Azmi

Abdul Hamid, mengutuk serangan Israel itu ketika umat Islam menyambut Aidilfitri.

Katanya, MAPIM terkejut dan sedih dengan kehilangan tragik itu bagi Ismail dan menegaskan menjadikan pimpinan Hamas sebagai sasaran akan memburukkan lagi keadaan.

“Saya menyatakan kebencian dan kecaman yang tegas terhadap kekejaman pasukan penjajah Zionis yang secara melulu menyerang bukan tentera dalam serangan mereka.

“Genosid dan kekejaman Israel yang sedang berlaku di Gaza perlu dihentikan segera,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata MAPIM teguh bersadariti dengan rakyat Palestin sehingga pembebasan tercapai.

Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang, berkata parti itu mengucapkan takziah kepada Ismail susulan kejadian itu.

Katanya, serangan genosid dan balas dendam lambang keangkuhan tentera Israel.

“Tindakan ini tidak akan sekali-kali mematahkan semangat pejuang Palestin untuk membebaskan Masjid al-Aqsa.

“Semoga ahli keluarga Syeikh Ismail Haniyyeh beroleh syahid dan memberi syafaat di akhirat,” katanya dalam kenyataan.

Tentera Israel dalam kenyataan mengesahkan serangan terabit menasarkkan tiga anak lelaki Ismail, namun tidak mengulas mengenai nasib malang menimpa cucunya.

Sementara itu, Wisma Putra dalam kenyataan berkata Malaysia tegas mengutuk serangan berterusan oleh rejim Israel yang menasarkkan rakyat Palestin.

Katanya, ini termasuk serangan udara di kem pelarian Shati di utara Gaza, terutama ketika rakyat Palestin dan lebih dua

bilion umat Islam di seluruh dunia menyambut Aidilfitri.

“Tindakan kejam oleh rejim Israel ini jelas menunjukkan kebencian dan ini bertentangan dengan simbol sambutan perayaan ini iaitu prinsip kemanusiaan, keamanan dan belas kasihan.

“Malaysia akan terus menentang dengan teguh tindakan keganasan dan genosida yang jelas dijalankan oleh Israel terhadap rakyat Palestin,” katanya.

Wisma Putra berkata serangan itu juga tentunya akan menjejaskan rundingan gencatan senjata dan usaha mencari penyelesaian yang damai terhadap konflik ini dan mempersoalkan niat Israel, jika ada, untuk mencari penyelesaian yang damai terhadap konflik ini.

Ketua Hamas tidak gentar Israel bunuh 3 anak - Dunia 25